



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNSUR PSIKOLOGI DALAM CERPEN-CERPEN VAIRAMUTHU

NATHAN A/L KUPPUSAMY



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNSUR PSIKOLOGI DALAM CERPEN-CERPEN VAIRAMUTHU

NATHAN A/L KUPPUSAMY

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021

UPSI/PS-3/BO 22
Pind : 03 mla: 1/1UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
Jalan Pendidikan, 35900 Tanjong Malin, Perak, Malaysia

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 12 (hari bulan) OKTOBER (bulan) 2021.

i. Perakuan pelajar :

Saya, NATHAN A/L KUPPUSAMY, M20142001594, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk UNSUR PSIKOLOGI DALAM CERPEN-CERPEN VAIRAMUTHU

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, SAMIKKANU JABAMONEY A/L ISHAK SAMUEL (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk UNSUR PSIKOLOGI DALAM CERPEN-CERPEN VAIRAMUTHU

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SASTERA (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

12.10.2021
Tarikh


Tandatangan Penyelia

Assoc. Prof. Dr. SAMIKKANU JABAMONEY ISHAK SAMUEL
Faculty of Languages and Communication
Sultan Idris Education University
35900 Tanjong Malin, Perak, Malaysia



UPSIPS-360/31
Rhd./01 mla/1/1
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: UNSUR PSIKOLOGI DALAM CERPEN-CERPEN VAIRAMUTHU

No. Matrik / Matric's No.: M20142001594

Saya / I: NATHAN A/L KUPPUSAMY

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasiin 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditetapkan oleh organisasi/lembaga di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 12.10.2021


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Ass. Prof. Dr. Shamsiah (Ass. Prof. Dr. Shamsiah)
Faculty of Languages and Communication
Sultan Idris Education University
35000 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila tempelkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab-sebab dan tempoh laporan ini perlu diklasifikasikan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

பெற்ற அன்னைக்கு வணக்கம்! கற்ற தமிழுக்கு வணக்கம்!

Salam sejahtera,

Saya amat bersyukur kepada Tuhan kerana dengan limpah dan Izin-Nya dapat menyiapkan tesis peringkat sarjana ini dengan jayanya walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan. Dalam kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. I. Samikannu Jabamoney, yang merupakan penyelia utama kajian ini dan telah memberikan tunjuk ajar dan bimbingan serta dorongan sepanjang proses penyiapan tesis ini. Setiap tunjuk ajar dan bimbingan beliau sangat dihargai dan teguran meningkatkan lagi semangat bagi menyempurnakan tesis ini dengan jayanya. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada para pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi yang sanggup meluangkan masa, dan tenaga sepanjang penyediaan tesis ini.

Tidak lupa juga isteri tersayang yang senantiasa berganding bahu serta menjadi penggerak dalam penyediaan tesis ini. Terima kasih diucapkan atas kerajinan, pengorbanan dan kesabaran serta sokongan yang tidak terhingga. Saya juga berhutang budi kepada keluarga dan semua rakan-rakan sekerja yang memotivasikan saya dan memberi dorongan serta sokongan moral untuk menyiapkan tesis ini.

Sekian, terima kasih.

NATHAN A/L KUPPUSAMY
(720523105115)
M20142001594





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti struktur keperibadian id, ego dan superego watak dalam cerpen Vairamuthu. Selain itu, kajian ini turut menganalisis perkembangan keperibadian watak berdasarkan mekanisma pertahanan ego dan menghuraikan pengajaran yang dapat diambil daripada watak tersebut dalam 15 cerpen karya Vairamuthu. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah analisis teks berdasarkan teori Psikoanalisis yang dipelopori oleh Sigmund Freud. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 18 watak memaparkan keperibadian id, 14 watak memperlihatkan keperibadian ego dan 16 watak mencerminkan keperibadian superego dalam cerpen Vairamuthu. Selain itu, tujuh daripada 10 jenis mekanisma pertahanan ego, iaitu rasionalisasi, represi, pembentukan reaksi, agresi, pemindahan, projeksi dan sublimasi dapat dikesan dalam perkembangan keperibadian watak cerpen Vairamuthu. Dalam pada itu, terdapat 21 pengajaran yang dapat diambil berdasarkan watak dalam cerpen Vairamuthu. Kesimpulannya, Vairamuthu telah berjaya menghasilkan watak yang mempunyai struktur keperibadian id, ego dan superego serta watak-watak yang menggunakan pelbagai mekanisma pertahanan ego untuk mengurangkan kecemasan yang timbul apabila ego bertindak untuk memuaskan id. Implikasinya, struktur dan perkembangan keperibadian watak-watak dalam cerpen Vairamuthu dapat diambil oleh masyarakat India di Malaysia sebagai pengajaran dalam perkembangan keperibadian masing-masing.



PSYCHOLOGICAL ASPECTS IN VAIRAMUTHU SHORT STORIES

ABSTRACT

This study aims to identify the personality structure of id, ego and superego of the characters in the short stories of Vairamuthu. In addition, this study also analyzes the personality development of the characters based on the ego defence mechanisms and describes the lessons that can be learned from the characters in 15 short stories of Vairamuthu. This is a qualitative study that uses text analysis method based on the Psychoanalytic theory pioneered by Sigmund Freud. The findings of the study showed that 18 characters displayed id personality, 14 characters displayed ego personality and 16 characters reflected superego personality in Vairamuthu's short stories. In addition, seven of the 10 types of ego defense mechanisms, namely rationalization, repression, reaction formation, aggression, transfer, projection and sublimation were also detected in the personality development of the characters in Vairamuthu's short story. Apart from these, there were 21 lessons that can be taken based on the characters in Vairamuthu's short stories. In conclusion, Vairamuthu has successfully portrayed characters that depict id, ego and superego personality structures as well as characters that use various ego defense mechanisms to dilute anxiety that arises when the ego acts to satisfy the id. The implication is that the structure and personality development of the characters in Vairamuthu's short story can be used a cue by the Indian community in Malaysia in the development of their respective personalities.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
TRANSLITERASI	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latarbelakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	6
1.4 Kepentingan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Soalan Kajian	9
1.7 Skop dan Batasan Kajian	10
1.8 Sumber Kajian	12
1.9 Definisi Konsep	12
1.9.1 Cerpen	13
1.9.2 Unsur-unsur Psikologi	14



1.9.3	Id	15
1.9.4	Ego	16
1.9.5	Superego	16
1.9.6	Mekanisma Pertahanan Ego	16
1.10	Kesimpulan	17

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	18
2.2	Perkembangan Cerpen Tamil	19
2.3	Unsur-unsur Psikologi dalam Kajian Kesusasteraan	21
2.4	Teori Psikoanalisis Sigmund Freud	24
2.5	Struktur Keperibadian Sigmund Freud	25
2.5.1	Id	27
2.5.2	Ego	28
2.5.3	Superego	28
2.6	Perkembangan Keperibadian	29
2.6.1	Represi atau Penindasan	30
2.6.2	Sublimasi	30
2.6.3	Projeksi	31
2.6.4	Pemindahan	31
2.6.5	Rasionalisasi	31
2.6.6	Pembentukan reaksi	32
2.6.7	Regresi	32
2.6.8	Kompensasi	32
2.6.9	Agresi dan Apatis	33
2.6.10	Fantasi dan Stereotype	33

2.7	Sorotan Literatur	34
2.8	Kesimpulan	39

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	40
3.2	Reka Bentuk Kajian	41
3.2.1	Kerangka Kajian	43
3.3	Kaedah Kajian	44
3.3.1	Kaedah Kepustakaan	45
3.3.2	Kaedah Analisis Teks	45
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	46
3.4.1	Penelitian dan Analisis Data	46
3.5	Teori Kajian	47
3.5.1	Kerangka Teori	52
3.6	Kesimpulan	53

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	54
4.2	Struktur Keperibadian Id, Ego dan Superego serta Mekanisma Pertahanan Ego yang Terdapat pada Watak Utama dan Sampingan	55
4.2.1	Struktur Keperibadian Id, Ego dan Superego serta Mekanisma Pertahanan Ego dalam cerpen <i>Tūrattu Uṛavu</i>	58
4.2.2	Struktur Keperibadian Id, Ego dan Superego serta Mekanisma Pertahanan Ego dalam cerpen <i>Vētaṅkaḷ Sollātatu</i>	64
4.2.3	Struktur Keperibadian Id, Ego dan Superego serta Mekanisma Pertahanan Ego dalam cerpen <i>Ēlaiyin Tājmakāl</i>	69
4.2.4	Struktur Keperibadian Id, Ego dan Superego serta Mekanisma Pertahanan Ego dalam cerpen <i>Yārukkuṁ Vāḷkkai Pakkamillai</i>	75
4.2.5	Struktur Keperibadian Id, Ego dan Superego serta Mekanisma Pertahanan Ego dalam cerpen <i>Nīril Eḷutiya Kātal</i>	78

4.2.6	Struktur Keperibadian Id, Ego dan Superego serta Mekanisma Pertahanan Ego dalam cerpen <i>Puttarukkum Aṭisarukkum</i>	83
4.2.7	Struktur Keperibadian Id, Ego dan Superego serta Mekanisma Pertahanan Ego dalam cerpen <i>Iranta Kālāṅgal Irantē Pōkaṭṭum</i>	88
4.2.8	Struktur Keperibadian Id, Ego dan Superego serta Mekanisma Pertahanan Ego dalam cerpen <i>Mārkam</i>	92
4.2.9	Struktur Keperibadian Id, Ego dan Superego serta Mekanisma Pertahanan Ego dalam cerpen <i>Pakal Iruṭṭu</i>	97
4.2.10	Struktur Keperibadian Id, Ego dan Superego serta Mekanisma Pertahanan Ego dalam cerpen <i>Kurāi + Kurāi = Nirāi</i>	99
4.2.11	Struktur Keperibadian Id, Ego dan Superego serta Mekanisma Pertahanan Ego dalam cerpen <i>Appā</i>	105
4.2.12	Struktur Keperibadian Id, Ego dan Superego serta Mekanisma Pertahanan Ego dalam cerpen <i>Ellā Maḷaiyum Nindre Tīrum</i>	109
4.2.13	Struktur Keperibadian Id, Ego dan Superego serta Mekanisma Pertahanan Ego dalam cerpen <i>Kāṭiyyin Kaṭaisi Vamsam</i>	115
4.2.14	Struktur Keperibadian Id, Ego dan Superego serta Mekanisma Pertahanan Ego dalam cerpen <i>Mārum Yukāṅkal Mārukinraṇa</i>	127
4.2.15	Struktur Keperibadian Id, Ego dan Superego serta Mekanisma Pertahanan Ego dalam cerpen <i>Maṇitarkaḷ Mīṇṭum Kurāṅkukaḷ Ākīrarkaḷ</i>	133
4.3	Pengajaran	137
4.3.1	Tidak Mewasiatkan Semua Harta Selagi Masih Hidup	138
4.3.2	Sentiasa Mengenang Jasa	140
4.3.3	Tidak Mendiskriminasi Sesama Manusia	142
4.3.4	Sentiasa Bersikap Rasional	144
4.3.5	Menghargai Pengorbanan Seseorang	146
4.3.6	Mempraktikan Kepimpinan yang Berkualiti	149

4.3.7	Menangani Kekecewaan Tanpa Bersifat Emosional	151
4.3.8	Percintaan Sejat	153
4.3.9	Tidak Membuat Keputusan Tanpa Usul Periksa	153
4.3.10	Sentiasa Bersedia untuk Memaafkan Orang Lain	154
4.3.11	Jangan Bersifat Kolot	155
4.3.12	Sentiasa Bersifat Jujur	156
4.3.13	Sentiasa Prihatin	157
4.3.14	Tidak Memandang Rendah kepada Kekurangan Diri Seseorang	158
4.3.15	Sanggup Berkorban demi Kesejahteraan Keluarga	159
4.3.16	Meluahkan Perasaan Cinta Secara Berhemah	160
4.3.17	Sentiasa Bersifat Berperikemanusiaan	162
4.3.18	Sentiasa Menjaga Peradaban	163
4.3.19	Menyelesaikan Masalah Secara Perundingan	165
4.3.20	Tidak Memandang Rendah kepada Kekurangan Diri	167
4.3.21	Tidak Bersifat Tamak	169
4.4	Kesimpulan	171

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	173
5.2	Analisis dan Dapatan Kajian	174
5.2.1	Struktur Kepribadian Id, Ego dan Superego yang Terdapat pada Watak-watak dalam Cerpen Vairamuthu	174
5.2.2	Perkembangan Kepribadian watak-watak dalam Cerpen Vairamuthu berdasarkan Mekanisma Pertahanan Ego	177
5.2.3	Pengajaran yang Diambil daripada Watak-watak dalam Cerpen Vairamuthu	178

5.3	Cadangan Kajian Lanjut	180
5.4	Kesimpulan	181
BIBLIOGRAFI		183



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Senarai 15 buah cerpen di dalam koleksi cerpen Vairamuthu yang juga merupakan cerpen-cerpen dalam skop kajian ini	11
4.1	Struktur keperibadian id, ego dan superego dalam cerpen-cerpen Vairamuthu	56
4.2	Mekanisma pertahanan ego yang digunakan oleh watak-watak dalam cerpen-cerpen Vairamuthu	57



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Analogi ketulan ais Sigmund Freud yang menggambarkan tiga tahap minda manusia-minda sedar, bawah sedar dan separa sedar	26
1.2	Kedudukan id, ego and superego dalam tahap minda yang berbeza dalam analogi ketulan ais terapung	27
3.1	Kerangka Kajian	43
3.2	Kerangka Teori	52



NOTES ON TRANSLITERATION AND DIACRITICAL MARKS

The system adopted here is the same as in the Tamil Lexicon of the University of Madras, Vol. VI, p.XXVIII.

Tamil alphabets and their English symbols with diacritical marks:

VOWELS

அ : *a*உ : *u*ஐ : *ai*ஆ : *ā*ஊ : *ū*ஓ : *o*இ : *i*எ : *e*ஔ : *ō*ஈ : *ī*ஏ : *ē*ஔ : *au*

CONSONANTS

க் : *k*ங் : *ṅ*ய் : *y*ச் : *c*ஞ் : *ñ*ர் : *r*ட் : *ṭ*ண் : *ṇ*ல் : *l*த் : *t*ந் : *n*வ் : *v*ப் : *p*ம் : *m*ழ் : *ḷ*ற் : *r*ன் : *ṇ*ள் : *ḷ*



SANSKRIT LETTERS

ज् : *j*

स् : *s*

क्ष् : *ś*

कृक्ष् : *kṣ*

ह् : *h*





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Pada dasarnya, mengikut etimologi, kesusasteraan dikatakan terbit daripada gabungan perkataan sanskrit „Su“ yang bermaksud baik, indah, cantik, seni dan berguna serta perkataan „sastra“ yang membawa maksud karya (Hashim Awang, 1988). Maka kesusasteraan boleh definisikan sebagai semua bentuk karya bernilai seni dan berguna. Ia merupakan suatu bidang yang sangat luas yang mana merangkumi antara bidang sastera yang terkenal termasuk puisi, drama, novel dan cerpen. Walaupun bersifat fiksiyen, karya-karya sastera sememangnya tidak dapat dipisahkan daripada seni dan kebudayaan manusia yang merupakan refleksi pengalaman hidup harian masyarakat.





Usman Awang (1997) telah menyatakan bahawa sastera meliputi kesemua aspek yang terkandung di dalam kehidupan manusia.

Pengarang sering mengembangkan serta mengubahsuai perkara yang berlaku dalam kehidupan seharian manusia dengan menggunakan imaginasi dan gaya yang sesuai sambil memastikan bahawa ia dapat menyampaikan mesej tertentu kepada pembaca. Kehidupan, kreativiti dan keperibadian seorang pengarang juga terserlah melalui karya sastera yang dihasilkannya. Pendapat ini disokong oleh Arba'ie Sujud (2008) melalui pendapatnya bahawa karya sastera adalah renungan pengarang terhadap masyarakat dan permasalahan yang dihadapi oleh mereka, yang seterusnya diterjemahkan secara halus dan berhemah.

Oleh yang demikian, kajian-kajian yang dijalankan ke atas karya-karya sastera pastinya dapat mencerminkan kebudayaan, pemikiran, permasalahan, emosi dan cara hidup sesuatu masyarakat. Pendapat ini disokong oleh pernyataan sasterawan terkenal negara, Othman Puteh (1998), yang menekankan bahawa pada kebiasaannya karya sastera adalah hasil daripada pengamatan, sensitiviti, pemikiran, tafsiran, wawasan, aliran emosi, dan kebijaksanaan seorang pengarang dalam mengamati dan mentafsirkan fenomena-fenomena alam dan kehidupan manusia di persekitarannya.

Kajian sastera juga dapat menjadi pendorong kepada pemikiran kritis dan kreatif, pemahaman isi eksplisit dan implisit, penemuan sebab dan akibat serta kaitan antara pelbagai peristiwa dalam cerita yang disampaikan. Di dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk mengkaji sastera cerpen yang merupakan jenis sastera moden yang terkenal sejak abad ke-19. Sastera cerpen juga menjadi pilihan sebagai bahan pelajaran di peringkat sekolah dan universiti.



1.2 Latarbelakang Kajian

Cerpen adalah ringkasan daripada cerita pendek. Secara lebih mendalam, ia boleh didefinisikan sebagai cerita pendek yang membawa nilai kepada masyarakat. Ia adalah suatu bentuk sastera yang menjadi kegemaran masyarakat. Secara tradisinya, cerpen bermula sebagai penceritaan lisan sebelum menjadi sebuah genre popular yang turut menghasilkan cerita-cerita terkenal seperti Iliad dan Odyssey karya Homer. Setiap cerpen yang dihasilkan biasanya akan merangkumi pelbagai konsep dan isu yang timbul daripada pendapat atau pengalaman penulis. Inilah yang seterusnya digambarkan dan dikongsikan sebagai suatu mesej padat kepada pembaca. Maka, tidak hairanlah apabila Tokoh Sasterawan Negara A. Samad Said (1975) menyatakan bahawa cerpen merupakan penterjemahan pengalaman seorang penulis yang dipindahkan kepada pembaca.

Cerpen biasanya tidak mempunyai tema yang besar. Sebaliknya, ia mempunyai suatu tema yang kecil yang ditulis dalam kurang dari 10,000 perkataan dan bilangan muka suratnya tidak melebihi 10 halaman. Pelbagai tema sering menjadi pilihan penulis termasuk keluarga, kewanitaan, kasih sayang, masyarakat, penceraian, cinta dan sebagainya. Watak-watak yang di tonjolkan dalam sebuah cerpen juga yang tidak banyak, malahan biasanya berpusat kepada satu tokoh dan satu situasi sahaja. Namun begitu, cerpen memberi mesej yang mengandungi nilai murni yang standing dengan novel.

Dilihat dari segi perkembangannya, kemunculan cerpen dalam bentuknya seperti sekarang dapat dikesan seawal abad ke-19 (Melwani, 2009). Bakiamary (2009) menyatakan bahawa Edgar Allan Poe adalah pelopor kepada cerpen di Amerika. Beliau dikenali sebagai „bapa“ cerpen yang telah menetapkan garis panduan awal bagi ciri-ciri



cerpen iaitu perlu menghasilkan kesan yang unik, mesti pendek (pembaca harus dapat membacanya dalam "sekali duduk"), mesti mempunyai perpaduan dan intensiti serta perlu bermula pada ayat pertama lagi (tidak menghabiskan masa yang panjang untuk latarbelakang, atau pengenalan watak). Oleh kerana cerpen mempunyai naratif yang pendek, tindakan tunggal, dan fokus tematik maka secara semula jadi ia menjadi pilihan masyarakat dan berkembang ke seluruh dunia.

Dilihat dari segi psikologi sastera pula, cerpen dianggap sebagai satu pendekatan yang mengkaji kejiwaan dalam sastera kerana sastera pastinya mempunyai hubungan dengan masalah psikologi. Kajian ini mengkaji psikologi pengarang yang mencipta karya tersebut (Saraswati, 2000). Di dalam kajian ini, koleksi cerpen Vairamuthu yang julung „*Vairamuttu Cīrukataikal!*“ yang diterbitkan pada tahun 2015 yang memuatkan 40 buah karya cerpen beliau akan digunakan sebagai bahan kajian.



Vairamuthu dilahirkan dalam sebuah komuniti petani pada 13hb. Julai 1953, di perkampungan Vadugapatti, Daerah Theni di Tamilnadu, India. Sejak usia muda, Vairamuthu mempunyai minat yang mendalam dalam bidang sastera dan memulakan ketokohan beliau sebagai penulis pada tahun 1967. Pemikiran dan penulisan beliau banyak dipengaruhi oleh kehidupan luar bandar yang dilalui beliau serta ucapan tokoh-tokoh negarawan dan reformasi India seperti Periyar dan Arinyar Anna, tulisan Kalaingyar Karunanidhi, Edgar Allan Poe, Brender Mathews dan karya-karya penyajak terkenal seperti Bharathiyar, Bharathidasan and Kannadasan.

Selepas tamat persekolahan beliau menyambung pelajarannya diperingkat sarjana muda di Kolej Pachaiyappa di Chennai. Di situ, beliau telah diiktiraf sebagai penceramah





dan penyajak terbaik di peringkat kolej dan antara kolej. Vairamuthu menerbitkan antologi sulungnya, „*Vaikarai Mēkaṇkaḷ*“, semasa berada di tahun kedua pengajian sarjana muda, pada usia 19 tahun. Karya beliau ini telah dipilih sebagai bahan kajian di Women's Christian College, Chennai (Mariappan, 2002).

Sehingga kini beliau telah menulis lebih daripada 6000 buah lirik lagu, lebih 10 koleksi puisi, 10 novel dan 40 cerpen. Hasil karya beliau sangat terkenal dan diminati, bukan sahaja di India tetapi juga di Malaysia, Singapura dan seluruh dunia. Karya-karya beliau yang terkenal termasuk „*Inṇoru Tēsiya Kītam*‘, „*Inta Pūḱkaḷ Vīrpaṇaikkalla*‘, „*Cikaraṇkaḷai Nōkki*‘, „*Vairamuttuvin Tiraippaṭa Pāṭalkaḷ*‘, „*Villōṭu Vā Nilavē*‘, „*Taṇṇīr Tēcam*‘ dan banyak lagi. Karya-karya beliau ini pada kebiasaannya mempunyai tema asas kemanusiaan yang melampaui batasan ruang dan bangsa, serta telah memenangi banyak anugerah tertinggi di negara India. Antara anugerah yang dimenangi termasuklah anugerah „*Kalaimāmaṇi*“ (1990), Anugerah „*Cākitya Academy*“ (2003), Anugerah tertinggi oleh yang diberi oleh kerajaan India „*Patmaṣṛī*“ (2003) dan Anugerah tertinggi „*PatmaPūṣaṇ*“ (2014).

Menurut Kolappan (2015), novel Vairamuthu yang menerima anugerah Sahitya Akademi (2003), yang bertajuk „*Kaḷḷikkāṭu Iikācam*‘, menceritakan mengenai penderitaan yang dialami oleh penduduk dari 14 buah kampung yang dipindahkan untuk memberi laluan kepada pembinaan empangan Vaigai. Vairamuthu menyatakan bahawa masih segar dalam ingatannya, bagaimana beliau meninggalkan kampungnya di Mettur ke Vadugapatti sambil memegang jari ibunya dengan adiknya di pangkuan. Beliau tidak faham mengapa ibunya menangis pada masa itu. Vairamuthu berkata walaupun kampung-kampung itu masih berada di sepanjang tebing sungai, ia tidak banyak memberi kesan kepada rakyat. Ia seperti tinggal di padang pasir. Setiap hari, hidup mereka menjadi satu perjuangan dan





novel itu menyingkap harapan dan kekecewaan tersebut. Mesej yang ingin disampaikan oleh beliau kepada generasi kini adalah mengenai proses urbanisasi yang telah memusnahkan kampung-kampung yang diduduki oleh masyarakat pada masa itu. Kejadian itu pastinya telah meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri beliau sehingga direfleksikan di dalam penulisan beliau.

Koleksi cerpen Vairamuthu yang ulung „*vairamuttu cirukataikal*“ diterbitkan pada tahun 2015 yang memuatkan 40 buah karya cerpen beliau. Cerpen-cerpen beliau banyak berkisar tentang unsur-unsur sosial, budaya, moral dan pemikiran dalam kehidupan masyarakat India. Isu-isu yang dipaparkan dalam cerpen beliau banyak menghubungkan kehidupan harian masyarakat India dan unsur-unsur alam sekitar. Beliau juga tidak gentar memaparkan unsur fahaman kolot dalam masyarakat yang cuba dipecahkan oleh generasi masa kini.



1.3 Permasalahan Kajian

Di dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk mengkaji tentang unsur psikologi yang tersirat di dalam cerpen-cerpen karya Vairamuthu yang terkandung di dalam satu-satunya koleksi cerpen beliau, merangkumi 40 buah cerpen yang diterbitkan pada tahun 2015. Vairamuthu sangat terkenal sebagai penyajak dan penulis yang sering mengetengahkan paparan realiti dalam kehidupan seharian masyarakat termasuk aspek-aspek sosial, budaya dan psikologi, agama dan bangsa. Setakat ini, pengkaji mendapati pelbagai kajian telah dilakukan ke atas karya-karya Vairamuthu terutama novel serta lagu yang ditulis oleh beliau. Namun, tidak ada langsung kajian yang pernah dilakukan ke atas cerpen-cerpen karya Vairamuthu.





Kajian-kajian yang telah dilakukan juga lebih cenderung kepada analisis atau kajian umum yang lebih berkisar kepada kesusasteraan, bahasa, tema dan persoalan serta masalah sosial di kalangan masyarakat India.

Kajian yang melibatkan aspek unsur-unsur psikologi dalam karya cerpen Vairamuthu boleh dikatakan tidak pernah dilakukan sebelum ini terutamanya kajian menggunakan teori Psikoanalisis, yang merupakan satu disiplin ilmu yang dipelopori oleh Sigmund Freud. Ia mempunyai hubungan yang erat dengan fungsi dan perkembangan mental manusia. Ilmu ini merupakan bahagian ilmu psikologi yang memberikan sumbangan yang besar terhadap kajian psikologi manusia selama ini. Freud menyatakan bahawa pergolakan jiwa manusia melibatkan tahap kesedaran yang berbeza iaitu tahap sedar, tidak sedar dan separa sedar (Jaenudin, 2012). Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa kajian cerpen-cerpen Vairamuthu menggunakan teori Psikoanalisis Freud boleh memberi gambaran yang lebih mendalam mengenai struktur dan perkembangan keperibadian watak-watak di dalam cerpen Vairamuthu. Selain daripada itu, analisis tentang pengajaran yang boleh didapati daripada watak-watak di dalam cerpen Vairamuthu akan dikaji sebagai dorongan dan pedoman kepada pembaca dalam menjalani kehidupan mereka.

1.4 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini mempunyai beberapa kepentingan termasuk yang akan memberi kesan mendalam dalam meningkatkan pengetahuan berkaitan struktur dan keperibadian yang menjadi asas dalam pemikiran dan permasalahan yang dihadapi kehidupan masyarakat





India. Selain itu, kajian ini juga dapat memberi pengetahuan yang lebih luas terhadap aspek penggunaan teori dan pendekatan psikologi.

Di dalam kajian ini, pengkaji akan menganalisis dan mengupas aspek-aspek psikologi terutamanya yang berkisar kepada struktur keperibadian id, ego dan superego watak-watak dalam cerpen karya Vairamuthu serta perkembangan keperibadian menggunakan mekanisma pertahanan ego atau juga dikenali sebagai helah bela diri. Kajian ke atas struktur dan perkembangan keperibadian watak-watak yang ditonjolkan dalam cerpen-cerpen Vairamuthu pastinya boleh menjadi dasar untuk memahami dengan lebih mendalam masalah psikologi yang dihadapi oleh generasi sekarang. Secara tidak langsung, pengkaji juga dapat mewujudkan perkaitan tentang bagaimana unsur psikologi yang terdapat di dalam cerpen-cerpen Vairamuthu ini dapat memberi kesan kepada pembentukan sahsiah pembaca melalui pengajaran-pengajaran yang tersirat didalam cerpen-cerpen tersebut.



1.5 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, beberapa aspek unsur-unsur psikologi yang terkandung dalam cerpen-cerpen karya Vairamuthu akan dikaji secara mendalam. Objektif kajian ini ialah:

- i. Menenal pasti struktur keperibadian id, ego dan superego yang terdapat pada watak dalam cerpen-cerpen Vairamuthu.
- ii. Menganalisis perkembangan keperibadian watak dalam cerpen-cerpen Vairamuthu berdasarkan mekanisma pertahanan ego.
- iii. Menghuraikan pengajaran yang dapat diambil daripada watak dalam cerpen-cerpen Vairamuthu.

1.9 Soalan Kajian

Soalan kajian adalah seperti berikut:

- i. Apakah struktur keperibadian id, ego dan superego yang terdapat pada watak dalam cerpen-cerpen Vairamuthu?
- ii. Apakah perkembangan keperibadian watak dalam cerpen-cerpen Vairamuthu berdasarkan mekanisma pertahanan ego?
- iii. Apakah pengajaran yang dapat diambil daripada watak dalam cerpen-cerpen Vairamuthu?

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada cerpen-cerpen karya Vairamuthu, seorang penulis dari India. Pengkaji ingin melakukan kajian yang terperinci tentang unsur-unsur psikologi yang terkandung dalam cerpen-cerpen karya Vairamuthu yang banyak memaparkan nilai dan kehidupan masyarakat India. Setakat ini, Vairamuthu hanya mempunyai satu koleksi cerpen yang mengandungi 40 buah cerpen. Pengkaji telah memilih 15 daripada cerpen tersebut untuk mengupas aspek-aspek psikologi yang terkandung di dalam karya cerpen tersebut. Kajian awal menunjukkan bahawa kesemua 15 cerpen Vairamuthu ini memaparkan watak-watak yang merangkumi pelbagai struktur keperibadian yang boleh dikategorikan di bawah peringkat minda id, ego dan superego. Watak-watak ini juga didapati menggunakan pelbagai mekanisme pertahanan ego untuk mengelakkan diri daripada kecemasan yang dihadapi, yang akan memberi gambaran yang lebih jelas tentang perkembangan keperibadian watak-watak tersebut. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa kajian ke atas semua cerpen ini akan memberi gambaran yang lebih menyeluruh tentang unsur psikologi yang terkandung dalam watak-watak yang ditonjolkan. Senarai cerpen-cerpen yang dipilih untuk kajian ini diberi dalam Jadual 1.1.



Jadual 1.1

Senarai 15 buah cerpen di dalam koleksi cerpen Vairamuthu yang juga merupakan cerpen-cerpen dalam skop kajian ini.

Bil	Tajuk Cerpen
1	<i>Tūrattu Uṛavu</i>
2	<i>Vētaṅkaḷ Sollātatu</i>
3	<i>Ēlaiyin Tājmakāl</i>
4	<i>Yārukkum Vāḷkkai Pakkamillai</i>
5	<i>Nīril Eḷutiya Kātal</i>
6	<i>Puttarukkum Aṭisaṛukkum</i>
7	<i>Iranta Kālangal Irantē Pōkaṭṭum</i>
8	<i>Mārkam</i>
9	<i>Pakal Iruṭṭu</i>
10	<i>Kuṛai + Kuṛai = Nīrai</i>
11	<i>Appā</i>
12	<i>Ellā Maḷaiyum Niṇdre Tīrum</i>
13	<i>Kāntiyin Kaṭaisi Vamsam</i>
14	<i>Mārum Yukāṅkal Mārukiṇṇaṇa</i>
15	<i>Maṇitarkaḷ Mīṇṭum Kuraṅkukaḷ Ākīrarkaḷ</i>



1.8 Sumber Kajian

Sumber kajian yang digunakan bagi menjalankan penyelidikan ini adalah sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer merangkumi kumpulan cerpen karya Vairamuthu yang terdiri daripada 15 buah cerpen karya beliau. Manakala sumber sekunder dalam kajian ini ialah karya-karya lain seperti buku kriteria sastera, buku-buku ilmiah, jurnal, majalah-majalah dan artikel-artikel lain yang diterbitkan yang telah dijadikan sebagai rujukan dan panduan.

1.9 Definisi Konsep

Pengkaji memberi definisi dan huraian kepada beberapa perkataan atau frasa yang digunakan dalam kajian ini untuk memastikan bahawa perbincangan yang dijalankan oleh pengkaji adalah selaras dengan objektif yang telah dikenal pasti. Perkataan dan istilah yang didefinisikan dibincangkan dengan bantuan konsepnya dan adalah bersandar secara langsung kepada tajuk yang dipilih oleh pengkaji iaitu “Unsur Psikologi dalam Cerpen-cerpen Vairamuthu”. Ia juga dapat membantu pembaca memahami kajian yang dijalankan ini secara lebih jelas dan mendalam.



1.9.1 Cerpen

Asal usul cerpen adalah dari negara barat sementara Edger Allan Poe, Nikolai Gogol Guy De Maupassant dan Anton Chekhov ialah antara tokoh-tokoh yang memperkenalkan cerpen kepada masyarakat. Seterusnya, penulis-penulis lain mula menulis cerpen mengikut citarasa masing-masing dengan mengambil ilham dari isu-isu semasa.

Pada dasarnya, cerpen membawa maksud cerita pendek yang membawa nilai kepada masyarakat. Cerpen boleh didefinisikan sebagai cerita pendek yang mempunyai tema dan struktur seperti nilai, bahasa, latar, plot dan watak. Ia juga membawa maksud cerita pendek. Cerita pendek adalah sebuah situasi yang digambarkan secara singkat, yang mana cepat tiba pada tujuannya. Khasbullah (2008) merumuskan bahawa sifat cerpen harus mengandungi beberapa aspek seperti satu tema cerita yang menjadi tumpuan sejak permulaan, perkembangan cerita sehingga penyelesaiannya, ketunggalan plot yang mana setiap watak berkembang mengikut sebuah garis yang berterusan dari awal hingga ke akhirnya, tidak memberi ruang kepada hal-hal sampingan yang tidak relevan, jumlah watak terhad serta berlatarkan waktu dan tempat yang singkat serta terhad.

A. Wahab Ali (2009) pula menyatakan bahawa daripada keseluruhan cerita dalam cerpen, pembaca sebagai ahli masyarakat akan diberi pengajaran dan moral sebagai pesanan. Sementara Muhd Saali *et al.* (2012) pula megatakan bahawa cerpen adalah sebuah cerita rekaan yang bukan benar-benar berlaku dan juga bukan khayalan semata-mata. Bahan mentah daripada peristiwa yang benar-benar berlaku digabungkan dengan imaginasi yang timbul dalam fikiran pengarang untuk diolah sebagai sebuah cereka dengan memasukkan unsur-unsur emosi dan kreativiti, di mana hal ini akan memberi kesan emotif





kepada pembaca. Karya yang hidup dan menyentuh hati dan sanubari pembaca hanya terserlah oleh adunan dan komplikasi sumber oleh pengarang. Sumardjo (2004) pula menyatakan bahawa cerpen haruslah bersifat cerita atau naratif yang mempunyai unsur fiksi dan pendek serta tidak bersifat analisis argumentatif. Unsur intrinsik cerpen merupakan unsur pembangun cerpen yang berasal dari dalam cerpen itu sendiri dan ia meliputi tema, penokohan, plot, latar, sudut pandang penceritaan, dan pesan.

1.9.2 Unsur-unsur Psikologi

Pada masa kini, bidang psikologi dianggap sebagai salah satu bidang yang sangat penting dalam mencari sebab sesuatu kejadian dalam kehidupan manusia, contohnya sifat dan tingkah laku yang ditunjukkan oleh manusia. Sekiranya maksud psikologi dilihat dengan lebih jelas maka „*Psyche*“ membawa maksud jiwa dan „*Logos*“ membawa maksud kajian tentang sesuatu. Secara umumnya psikologi ini dikatakan adalah satu kajian yang dibuat secara sistematik dan saintifik ke atas tingkah laku manusia. Ia juga merupakan satu disiplin ilmu yang mengkaji pemikiran, sikap, perasaan, naluri, kecerdasan, keperluan dan tindak balas manusia terhadap rangsangan persekitaran sosial. Oleh itu, pengkaji memilih konsep unsur-unsur psikologi dalam kajiannya. Fokus masalah yang akan dibincangkan adalah unsur-unsur psikologi yang terkandung dalam cerpen-cerpen Vairamuthu.

Dasar kajian unsur-unsur psikologi dalam karya sastra termasuk cerpen antara lain adalah dipengaruhi oleh beberapa perkara termasuk psikologi, kejiwaan dan pemikiran pengarang yang secara tidak sedar atau „*subconscious*“ ditranslasikan ke dalam hasil karya mereka. Kajian psikologi sastra juga meneliti perwatakan psikologi pengarang selain



daripada aspek-aspek pemikiran dan perasaan pengarang semasa menghasilkan karya tersebut (Endraswara, 2003). Aspek psikologi dalam cerpen dianggap menampilkan aspek kejiwaan yang digambarkan melalui hubungan antara psikologi dengan sastera, termasuk memahami unsur-unsur psikologi pengarang sebagai penulis, memahami unsur-unsur psikologi watak-watak dalam karya tersebut dan juga memahami unsur-unsur psikologi pembaca (Rama, 2004).

Sebagai manusia, kita banyak dikuasai oleh jiwa kita sendiri dimana pelbagai aspek seperti identiti, ego dan super ego boleh dikatakan sangat sebatu dalam diri masing-masing. Selain itu, manusia tidak dapat lari daripada unsur-unsur resah, gelisah, tertekan, dan lain-lain. Maka, secara jelas, tinjauan psikologi sastera dapat membantu dalam memahami aspek-aspek kejiwaan yang terkandung dalam suatu cerpen.

1.9.3 Id

Id adalah bahagian personaliti seseorang yang dianggap sebagai bersifat paling asas. Oleh itu, id bolehlah dikatakan sebagai naluri, perasaan semulajadi atau keinginan yang wujud dalam diri seseorang. Ia bertindak menunaikan prinsip-prinsip kehidupan secara menyeluruh dan biasanya didorong oleh prinsip keseronokan atau kesenangan.



1.9.4 Ego

Ego bertindak daripada alam sedar untuk memuaskan keinginan id dengan menggunakan apa sahaja cara yang dianggap realistik. Ianya tidak melibatkan konsep betul atau salah. Oleh itu, ego dianggap sebagai suatu entiti yang tersepit di antara id dan superego, dimana ia berhadapan dengan tuntutan id yang perlu dipuaskan dengan apa cara sekalipun dan juga terpaksa menghadapi pengadilan daripada superego.

1.9.5 Superego

Mekanisma pertahanan ego adalah satu strategi psikologikal yang digunakan oleh seseorang untuk mengelakkan daripada kecemasan yang timbul disebabkan oleh dorongan yang diterima daripada id atau tekanan daripada ego dan superego. Kecemasan merupakan fungsi ego yang bertindak memberi peringatan kepada seseorang tentang bahaya yang mungkin sedang mendatang supaya satu reaksi adaptif yang bersesuaian dapat disediakan selaras dengan situasi tersebut (Alwisol, 2004).

1.9.6 Mekanisma Pertahanan Ego

Superego adalah bertindak atas dasar kebenaran atau berlandaskan peraturan dan prinsip selaras dengan agama, moral dan keadilan. Ia berupaya mengawal semua keinginan manusia, mempertimbangkan kebaikan dan keburukan yang wujud dalam suatu tindakan yang akan diambil serta menentukan kesesuaiannya berdasarkan situasi yang wujud. Maka, superego bolehlah dikatakan sebagai bertentangan dengan id dan ego.





1.10 Kesimpulan

Pengkaji berpendapat cerpen atau cerita pendek memainkan peranan sebagai bentuk karya yang setanding dengan novel dan mengandungi sesuatu mesej yang ingin disampaikan oleh penulis kepada pembaca. Sumber cerita atau mesej yang ingin disampaikan ini biasanya terdiri daripada kehidupan harian seseorang atau sesuatu masyarakat, pengalaman penulis itu sendiri mahupun orang lain. Mesej yang akan disampaikan boleh dilakukan secara langsung ataupun secara tidak langsung.

Cerpen biasanya menggambarkan kehidupan watak di dalam cerita tersebut, namun ia hanya menceritakan masalah tunggal sahaja yang tidak melibatkan konflik yang banyak. Penggunaan kata-katanya yang mudah dan serasi dengan masyarakat memudahkan pemahaman cerpen.



Cerpen juga menceritakan satu kejadian dan memperkembangkannya mengikut situasi penulis. Setiap cerpen mempunyai nilai yang berfaedah kepada masyarakat, yang mana setiap nilai tersebut memberi pengajaran kepada pembaca. Pengkaji berpendapat kajian cerpen-cerpen Vairamuthu dapat memberi gambaran dan cerminan unsur-unsur psikologi watak dan penulis itu sendiri selaras dengan keperluan semasa kerana ia berkaitan dengan realiti dan senario yang sebenarnya berlaku dalam kalangan masyarakat India.

Pengkaji menggunakan pelbagai pendekatan dan kaedah untuk mendapatkan maklumat yang bersesuaian dan menepati tajuk yang dipilih. Konsep unsur-unsur psikologi akan digunakan untuk menerangkan kajian yang dipaparkan dalam cerpen Vairamuthu.

